

MEMPERKASA SENI TAMPAK DAN TEKNOLOGI MELAYU BRUNEI MELALUI ICT

Siti Norkhalbi Haji Wahsalfelah, PhD.

Akademi Pengajian Brunei
Universiti Brunei Darussalam.

*Art is the Queen of all sciences, communicating knowledge to all the generations
of the world - Leonardo DaVinci*

Pendahuluan

Kewujudan seni dan teknologi merupakan di antara tanda kemercuan dan kegemilangan bagi sesebuah ketamadunan yang memaparkan budaya milik bangsa, dijelmakan dengan identiti, nilai, adat resam, kepercayaan dan sistem hidup. Penghasilan kedua-duanya saling berkaitan bagi mencapai kesempurnaan dan keselesaan dalam melalui kehidupan. Kefahaman tentang penghasilan dan penggunaan seni tampak dan teknologi bukan sahaja penting untuk kesinambungan masyarakat yang menaunginya, tetapi juga dalam kalangan masyarakat lain bagi mewujudkan kepekaan dan penerimaan terhadap kepelbagaian budaya termasuk hal-hal sosial, ekonomi dan politik.

Pengertian Seni Tampak

Istilah seni sering dihubungkan dengan sesuatu yang indah, elok, cantik dan menarik yang dikaitkan dengan bakat dan kemahiran penciptanya (Rahman & Norazlin, 2002). Seni tampak merangkumi aspek pengkaryaan yang dihubungkan dengan disiplin seni halus, dan perekaan, yang meliputi bidang-bidang komunikasi visual, reka bentuk teknologi, dan reka bentuk persekitaran. Karya seni tampak ialah suatu ekspresi visual akan sesuatu idea ataupun pengalaman yang dibentuk menerusi penggunaan sesuatu bahan ataupun medium dengan menggunakan teknik-teknik yang tertentu. Seni tampak boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu seni rupa dan seni persembahan. Kedua-dua bidang seni ini mempunyai kaitan yang rapat di antara satu dengan yang lain, dan bukan sahaja dinikmati dari sudut penginderaan penglihatan tetapi juga meliputi deria sentuhan dan pendengaran. Secara umum seni rupa difahami berdasarkan kepada ciri-ciri paparan rupanyanya sebelum diberikan

bentuk dan identiti yang lebih terperinci. Kewujudannya mengisi pelbagai tuntutan dan pelaksanaan keperluan sosial dan budaya bagi memudahkan urusan kehidupan serta interaksi antara manusia. Pengkarya dan pereka lazimnya memilih bahan yang sesuai dengan idea ataupun perasaan yang ingin disampaikannya. Khalayak menikmati karya seni tampak apabila bahan yang digunakan pengkarya dengan cara-cara tertentu membolehkan sesuatu objek atau persembahan itu difahami ataupun digunakan mereka.

Seni Rupa

Seni rupa mencakupi barangan, peralatan, bangunan dan budaya material yang diwujudkan bagi memenuhi keperluan manusia. Terdapat berbagai jenis hasil seni rupa termasuk kain tenunan untuk pakaian dan hantaran perkahwinan, keris sebagai senjata, rumah sebagai tempat perlindungan dan sebagainya. Dalam masyarakat Melayu, pengeluaran dan penggunaan seni rupa tidak hanya mempunyai fungsi guna tetapi juga menekankan kepada fungsi ekspresif dan simbolik. Secara asas kewujudan objek-objek tertentu mempunyai nilai fungsian bagi tujuan kegunaan harian, termasuk ritual, sosial, kepercayaan dan agama, malah kini telah berkembang seperti mempunyai nilai komersial dan pengiklanan, perhiasan, koleksi peribadi dan cenderamata. Namun objek-objek tersebut mempunyai nilai seni dan menjadi seni rupa Melayu kerana mengandungi elemen-elemen ciri kesenian dari segi keindahan dan kehalusan. Keseimbangan fungsi-fungsi tersebut memberikan nilai yang lebih tinggi ke atas barangan seni rupa (Wan Abd. Kadir et al 2004).

Pengeluaran dan penggunaan barangan kraftangan ini berkait rapat dengan adat, kebudayaan dan kesenian warisan bangsa Melayu. Seni rupa Melayu yang dimiliki masyarakat Melayu juga memaparkan jiwa budaya pencipta dan penggunaannya. Sebagai contoh, motif-motif yang digunakan untuk menghiasi barangan kraftangan melambangkan jati diri Melayu yang mengandungi nilai-nilai seni keindahan dan kehalusan tradisi budaya Melayu. Ini menunjukkan bahawa barangan kraftangan merupakan elemen yang penting dalam sosiobudaya masyarakat Melayu yang meliputi ruang lingkup yang luas sebagai lambang nilai budaya dan identiti.

Keseluruhan proses penghasilan dan penggunaan barangan seni rupa Melayu merupakan komunikasi secara visual yang menerangkan tentang masyarakat pencipta dan penggunaannya melalui objek seninya. Tidak dinafikan bahawa seni rupa Melayu telah mengalami perubahan dalam perjalanan masa yang panjang dan menyumbang kepada perubahan sistem

etika dan nilai yang akhirnya juga mengubah pandangan alam dan cara hidup masyarakat Melayu itu sendiri. Ini juga memberikan kesan terhadap perubahan bentuk yang ketara pada seni rupa Melayu.

Seni Persembahan

Selain seni rupa, masyarakat Melayu juga kaya dengan seni persembahan yang bukan sahaja pertunjukan dalam bentuk hiburan dan permainan seperti nyanyian, tarian, permainan muzik dan lakonan, tetapi juga merangkumi pelaksanaan bagi memenuhi keperluan sosial dan budaya, sama ada sebagai pengisian untuk keperluan agama dan kepercayaan, upacara dan perasmian, ritual, pengubatan malah bagi tujuan pengiklanan dan komersial (Rahmah & Nor Azlin, 2002). Seni persembahan ditakrifkan sebagai segala aktiviti dengan pemainnya diberikan tanggungjawab membuat perlakuan untuk mempengaruhi peserta-peserta lain dalam apa cara sekalipun (Hanafi). Setiap aktiviti tersebut mempunyai struktur dan tatacara yang jelas. Menurut Schechner (1988), seni persembahan itu juga merangkumi majlis kenduri kendara, majlis perasmian dan majlis pengiktirafan seperti majlis perkahwinan, tamaruk, dan sebagainya. Persembahan tersebut merupakan daya usaha untuk berkomunikasi antara kelompok dalam masyarakat itu sendiri mahu pun dengan kelompok yang lain bagi menyalurkan sesuatu kefahaman kepada kelompok sasaran atau penonton. Perlakuan yang dibuat oleh yang menghasilkan persembahan merupakan usaha bagi meluahkan perasaan, pemikiran dan harapan kepada para penonton. Tindak balas dari penonton pula merupakan petanda berlakunya perlakuan yang bersambut.

Teknologi

Terdapat berbagai pengertian teknologi. Istilah teknologi berasal dari perkataan Yunani iaitu *technologia*. *Techne* bermakna kerajinan dan *logia* yang bererti kajian tentang sesuatu, atau cabang pengetahuan dari suatu disiplin. Teknologi juga dapat ditakrifkan sebagai benda-benda yang berguna bagi manusia, seperti mesin, tetapi juga mencakupi hal yang lebih luas, termasuk sistem, metod organisasi, dan teknik.

Definisi tertua mengenai teknologi dirujuk sebagai barang buatan manusia. Dalam hal ini, secara umum pengertian seni rupa dan teknologi mempunyai makna yang sama kerana kedua-duanya merupakan barangan yang wujud hasil dari buatan manusia. Walaubagaimana pun keduanya boleh dibezakan di mana teknologi merupakan hasil kegiatan manusia secara

sistematik dan dilakukan secara berperingkat untuk mencapai sesuatu tujuan tertentu secara efisien. Contohnya, dalam pembuatan kain tenunan, orang harus terlebih dahulu membuat alat-alat bertenun seperti rumah tenun, liringan, sikuan, jentera, suri dan lain-lain. Kemudian barulah penenun dapat membuat dengan menggunakan alat-alat tersebut. Manakala seni rupa pula ialah hasil daya kreativiti yang mengandungi erti dari segi bentuk dan fungsinya.

Seni tampak dan teknologi saling berkait antara satu sama lain dan tidak dapat dipisahkan. Kewujudan keduanya adalah menyempurnakan di antara satu sama lain. Seni tampak adalah keindahan dalam mengungkapkan sesuatu kebenaran di mana manusia sebagai pengkarya yang menghasilkan sesuatu yang indah untuk mendapatkan kesempurnaan dan keselesaan dalam melalui kehidupan. Keperluan dan keinginan manusia tersebut telah mendorong mereka untuk berkarya. Daya kreatif yang ada pada manusia adalah hasil dari meminjam elemen dan alam sekitarnya. Ianya betitik tolak dari pengalaman yang berkembang dan diperkaya oleh daya fikir, imiginasi dan kebolehan pencipta atau pengkaryanya. Teknologi pula merupakan pelengkap dalam penghasilan seni rupa dan seni persembahan.

Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Kamus Nusantara (2003) telah memberikan takrif globalisasi sebagai proses yang meletakkan dunia di bawah satu unit yang sama tanpa dibatasi oleh sempadan dan kedudukan geografi sesebuah negara. Yusof Al-Qardhawi (2001) mendefinisikan globalisasi sebagai mensosialisasikan pola atau sistem tertentu yang dimiliki oleh sesuatu negara atau kelompok sehingga menembusi seluruh dunia. Ini memberikan makna bahawa manusia atau orang di seluruh dunia lebih terikat antara satu sama lain dalam pelbagai aspek termasuk ekonomi, politik dan budaya. Aliran informasi dan wang lebih cepat dalam sejarah manusia, pengeluaran barangan dan perkhidmatan di kawasan lain di dunia ini boleh didapati di mana-mana, pengembaraan/perjalanan pada tahap antarabangsa berkembang pada tahap yang dulu di anggap mustahil, dan hubungan antarabangsa telah menjadi sesuatu yang biasa. Fenomena ini telah menyebabkan ruang di dunia semakin mengecil dan ini berpunca dari kemajuan teknologi komputer dan ledakan teknologi maklumat menerusi teknologi internet, satelit, media elektronik, dan teknologi siber. Komputer dan internet telah menjadi pusat perjumpaan budaya dan sosial dari seluruh dunia yang mewujudkan globalisasi (Zalina Yahya, 1999).

Teknologi Informasi dan Komunikasi ditakrifkan sebagai teknologi yang digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data dan menjadikan maklumat berguna dan bermakna serta menghasilkan maklumat dalam pelbagai bentuk seperti teks, grafik, suara, animasi dan maya. Teknologi informasi dan komunikasi mempunyai rangkaian yang luas termasuk telefon, televisyen, radio, media cetak dan komputer. Kini, teknologi informasi dan komunikasi berkembang dengan pesatnya di mana alat-alat canggih telah diciptakan dan mudah alih serta telah menjadi sebahagian kehidupan seharian para penggunanya seperti telefon pintar, i-pad dan tabloid yang boleh dibawa ke mana-mana sahaja.

Dalam era globalisasi, ledakan teknologi maklumat yang pesat berkembang telah muncul sebagai medium utama dalam penyebaran dan pembinaan ilmu pengetahuan. Kini segala maklumat sangat mudah diperolehi seperti perumpamaan 'maklumat di hujung jari'. Sehubungan dengan kemajuan ini telah membukakan peluang yang sangat luas dan memberikan impak dalam berbagai aspek kehidupan, termasuk bidang seni tampak dan teknologi tradisional.

Dalam konteks seni tampak dan teknologi tradisional, kemajuan teknologi informasi dan teknologi boleh dimanfaatkan secara meluas. Manfaatnya tidak hanya terhadap terhadap penyebaran ilmu berkaitan dengan seni tampak, tetapi ICT juga berperanan sebagai teknologi yang boleh memantapkan lagi pengeluaran dan daya kreativiti seni tampak. ICT boleh dimanfaatkan dalam hal-hal dokumentasi dan penyimpanan data, reka bentuk, penataan audio visual, pemasaran dan jualan, dan sebagainya.

Kepentingan ICT dan Seni Tampak

Globalisasi menjadikan segala maklumat boleh diakses dengan mudah menerusi teknologi komputer atau internet walau di mana kita berada. Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Miniwatts Marketing Group menganggarkan sebanyak 2,405,518,376 orang menggunakan dan mempunyai akses internet di seluruh dunia. Dari jumlah tersebut seramai 1,076,681,059 adalah terdiri dari pengguna daripada Asia (<http://www.internetworldstats.com/asia.htm>, dilayari pada 11 Januari 2013). Manakala di Negara Brunei Darussalam sehingga bulan Jun tahun 2010 menunjukkan angka seramai 318,900 orang penduduk mempunyai akses internet. Menurut laporan yang dikeluarkan, sehingga 31 September 2012 seramai 253,140 pengguna di Negara Brunei Darussalam telah membuka akaun dalam laman sosial Face book (<http://www.internetworldstats.com/asia.htm>,

dilayari pada 11 Januari 2013). Dari angka yang telah dipaparkan menunjukkan jumlah penduduk yang mempunyai akses terhadap internet adalah pada tahap yang agak tinggi berbanding keseluruhan penduduk Negara Brunei Darussalam yang dianggarkan seramai 406,000 orang (http://www.bedb.com.bn/why_intro.html).

Secara tradisi, badan-badan tertentu seperti Muzium, Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam dan Jabatan Kebudayaan adalah di antara badan-badan yang bertanggungjawab dalam memastikan kesinambungan bahan-bahan budaya termasuk seni tampak dan teknologi tradisi yang menjadi warisan bangsa. Hal ini biasanya dilakukan melalui pameran, pertunjukkan dan peragaan. Walaupun kaedah tradisional ini masih berkesan namun jangkauan sasaran adalah sangat terhad kepada para pengunjung dan penonton kerana sifatnya yang tidak mudah alih dan setempat.



Pameran Warisan Budaya Bangsa Anjuran Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam dengan kerjasama Pg Johan bin Pg Suhaimi dan ditaja oleh Fabrica pada 17-22 Februari 2011.

Perkembangan teknologi informasi dan komunikasi telah memberikan nafas baru terhadap kesinambungan maklumat tentang seni tampak dan teknologi tradisi. ICT telah digunakan dalam menyebarkan maklumat melalui media cetak seperti surat khabar, majalah, buku dan risalah; dan jua media elektronik seperti televisyen dan radio. Seni persembahan dan teknologi tradisi didokumentasikan dengan menggunakan kamera dan dicetak untuk

diedarkan kepada khalayak. Melalui badan-badan penyiaran, terdapat juga dokumentari yang dirakamkan dan disiarkan melalui televisyen, dan juga informasi-informasi mengenai seni tampak dan teknologi tradisi disiarkan melalui radio. Di Negara Brunei Darussalam, rancangan-rancangan ini disiarkan oleh Radio Televisyen Brunei, satu-satunya penyiaran televisyen nasional, melalui pelbagai program seperti Warisan Budaya, Sepanjang Jalan dan sebagainya. Program tersebut tidak hanya terhad dalam bentuk khusus, tetapi juga ditayangkan dalam bentuk selingan, sedutan dan laporan.

Kini, dengan ledakan teknologi dan perkembangan media baru telah menjadi medium terpenting dalam komunikasi dan telah meningkatkan lagi pengeluaran dan penyebaran maklumat dalam ruang yang lebih luas dan cepat. Pada peringkat antarabangsa, internet digunakan untuk membentuk jaringan atau website bagi menyebarkan maklumat yang dikehendaki. Dalam konteks seni rupa, terdapat banyak website dan laman jaringan sosial yang boleh dilayari seperti Institute of Khemir Traditional Textiles, Textile Society, The East Indies Museum dan lain-lain. Rakaman video berkenaan seni tampak seperti tarian, nyayian dan proses pembuatan dan penggunaan seni rupa juga banyak diuploadkan dalam pelbagai program seperti you tube.


Di Negara Brunei Darussalam, usaha ini tidak hanya terhad kepada institusi-institusi penyiaran dan berwibawa malah juga dilakukan oleh individu persendirian, pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana dan kumpulan penggemar seni. Badan penerbitan bahan-bahan budaya ini tidak hanya menarik minat dalam kalangan pengkaji dan penduduk tempatan, tetapi juga badan-badan penyiaran dan penyelidikan dari luar Negara, termasuk pelancong-pelancong dan ahli akademik. Maklumat-maklumat berkenaan dengan seni tampak dan teknologi tradisi kini sudah banyak disebarikan melalui pelbagai jaringan sosial seperti blog, facebook, you tube dan lain-lain lagi.

Penghasilan dan penyebaran ilmu berkenaan dengan masyarakat indigenous termasuk seni tampak dan teknologi ini juga telah menarik perhatian para cendekiawan secara global. Hasil kajian yang diterbitkan di dalam buku atau jurnal antarabangsa kini disiarkan melalui internet. Hal ini memberikan manfaat yang sangat tinggi bukan sahaja terhadap perluasan penyebaran tentang maklumat, malah ianya juga penting dalam meningkatkan profil pengkaji terutama jika hasil kajian tersebut dipetik. Pembinaan dan penyebaran melalui ICT ini secara langsung meningkatkan lagi bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan seni tampak dan


teknologi tradisi yang boleh memelihara, menyebarkan serta mengukuhkan identiti dan budaya Melayu.

Selain memberikan maklumat berkenaan dengan seni tampak dan teknologi tradisi, penggunaan media baru tersebut juga digunakan sebagai strategi pengeluaran, pemasaran dan pengiklanan terutama dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana. Modimogale dan Kroeze(2011) dan Shahram Gilalinia et all (2012) menjelaskan bahawa dalam era globalisasi, penggunaan ICT adalah sangat bermanfaat kepada para pengusaha kecil dan sederhana dalam kreativiti pengeluaran, meningkatkan pendapatan dan keberkesanan pemasaran.

Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Ibrahim adalah salah seorang pengusaha batik di Negara Brunei Darussalam. Selain menghasilkan kain batik secara tradisional, beliau juga telah membuat inovasi dengan menggunakan ICT dalam membuat rekabentuk dan mencetak kain batik yang dihasilkannya. Beliau menghasilkan samping atau sinjang yang mengintegrasikan motif-motif yang biasa digunakan dalam kain tenunan dalam bentuk digital. Menurut beliau, kain sinjang digital ini mendapat sambutan yang baik dalam kalangan pelanggan-pelanggannya.



Gambar 1: Sinjang digital rekabentuk Hj Zainal Abidin (ehsan daripada Mohd Azmi dan Akidahmalina, 2011)



Gambar 2: Sinjang digital rekabentuk Hj Zainal Abidin (ehsan daripada Mohd Azmi dan Akidahmalina, 2011)

Penggunaan ICT melalui laman-laman sosial seperti Facebook, blog, website dan twitter telah menyediakan ruang dalam pengiklanan dan pemasaran seni tampak. Ini telah diakui oleh Dayang Hajah Roziam bin Ibrahim pemilik Koleksi Batik Eazy Mas, seorang lagi pengusaha batik yang memanfaatkan ICT sebagai teknik pemasaran yang strategik. Melalui pengalaman saya sendiri menggunakan Facebook dalam mengongsikan kain tenunan Brunei koleksi peribadi dan kain yang dihasilkan oleh informan adalah sangat berkesan dalam menjana dan mengukuhkan minat serta mempromosikan tentang kain tenunan dalam kalangan penggemar, pengumpul dan pengguna kain tenunan yang terdiri dari rakan-rakan tempatan dan juga dari luar Negara.

Cabaran

Kewujudan Teknologi informasi dan teknologi telah memberikan ruang dan peluang yang positif terhadap seni tampak dan teknologi tradisi secara umum. Walaubagaimana pun tidak dinafikan bahawa terdapat cabaran-cabaran yang timbul dan dihadapi.

Seperti yang telah saya nyatakan terdahulu bahawa terdapat kenaikan jumlah laman web, blog dan jaringan sosial yang digunakan untuk memberigakan seni tampak dan teknologi tradisi. Walaubagaimana pun perisian-perisiannya adalah sangat terhad di mana hanya memaparkan gambar-gambar dan rakaman video sahaja. Tidak banyak penjelasan yang mendalam disertakan dalam paparan-paparan tersebut. Jika pun ada, maklumat yang ada hanyalah merupakan penjelasan atau fakta yang sangat ringkas. Terdapat juga laman yang dibina dalam jaringan sosial yang mempunyai maklumat yang “*out of date*” dan tidak dikemaskinikan.

Penulisan sejarah dan penjelasan mendalam merupakan dokumen-dokumen penting bagi pengkaji dan khalayak untuk mengenali sesebuah karya itu dengan lebih berkesan dan bermakna. Hal ini memungkinkan untuk mempertingkatkan kefahaman, persepsi dan daya apresiasi tentang seni secara umumnya. Ini akan dapat membantu khalayak memahami aspek bentuk dan makna karya secara tersurat dan tersirat, seperti menampilkan diskripsi, analisis, interpretasi dan pertimbangan yang membolehkan mereka meletakkan seni pada konteks ruang dan masanya. Ini telah dijelaskan oleh Hauser (1959) yang dipetik oleh Fernie (2001,205):

"We do not go straight towards them, but circle around them. Each generation sees them from a different point of view and with a fresh eye; nor is it to be assumed that a later point of view is more apt than an earlier one. Each aspect comes into sight in its own time, which cannot be anticipated or prolonged; and yet its significance is not lost, for the meaning that a work assumes for a later generation is the result of the whole range of previous interpretations."

Hal ini juga boleh membantu usaha mereka meletakkan kedudukan seseorang pengkarya mahupun produk seni itu dalam peta perkembangan seni yang lebih luas dan menjadikan seni tampak lebih bernilai dan berharga.

Hasil dari pemerhatian saya menunjukkan terdapat laman jaring sosial yang diwujudkan tanpa memberikan apa-apa perisian di dalamnya. Hasil kajian saya menunjukkan terdapatnya kekhawatiran yang berkaitan dengan masalah peniruan dan hak cipta dalam kalangan pihak-pihak berkenaan dalam mengongsikan maklumat termasuk gambar. Mereka mengkhawatiri ciptaan-ciptaan mereka akan ditiru oleh pihak-pihak lain demi untuk mengaut keuntungan. Dari segi promosi, ketiadaan ilustrasi telah mengurangkan daya tarikan bagi bakal pelanggan. Tidak dinafikan bahawa kekhawatiran tersebut bukanlah tidak berasas. Pengaruh globalisasi yang mementingkan kegiatan komersial telah memberikan cabaran di mana Brunei juga menghadapi masalah replika kain tenunan Brunei di pasaran tempatan. Replika rekabentuk dan motif kain tenunan tempatan yang dihasilkan dengan mesin dan dikeluarkan secara besar-besaran di luar negara dan diimport semula serta dipasarkan di negara Brunei Darussalam. Replika ini mendapat sambutan dari masyarakat tempatan bukan kerana aspek kualiti tetapi ianya mempunyai rekabentuk dan motif yang sama dengan harga yang jauh lebih murah.

Satu hal lagi yang mencabar dalam menyebarkan maklumat yang mendalam mengenai seni tampak ialah kekurangan informasi. Informan merupakan di antara sumber yang penting untuk mendapatkan data untuk dianalisis sehingga tafsiran dan penjelasan mendalam boleh dilakukan. Walaubagaimanapun, hal ini masih lagi menghadapi kekurangan di mana tidak banyak informan atau sumber yang boleh diperolehi baik seperti dari segi sejarah dan makna simbolik. Malah terdapat di antara kalangan penghasil yang kurang mengetahui jenis motif-motif yang mereka aplikasikan dalam hasil karya mereka. Hal seperti ini boleh menyebabkan dokumentasi yang dibuat kurang lengkap.

Dalam bidang komersial, inovasi dan kreativiti dalam menggunakan ICT dari segi pengeluaran seperti reka bentuk, kaedah dan teknik boleh menambah nilai terhadap penghasilan karya seni. Dari itu pengkarya seni boleh memanfaatkan kemahiran menggunakan ICT dalam karya mereka. Walaubagaimanapun, tidak banyak pengkarya seni mempunyai kemahiran dalam mengendalikan atau menggunakan teknologi informasi dan komunikasi. Kebanyakan pengkarya seni lebih selesa menggunakan kaedah tradisional.

Saranan

Pendokumentasian merupakan suatu aktiviti yang sangat penting dalam merekodkan segala dapatan tentang segala hal sama ada dalam bentuk bertulis, bercetak atau rakaman sebagai bukti atau keterangan. Dalam konteks seni tampak dan teknologi tradisi, di samping aspek estetika dari segi bentuk fizikal, cerita dan makna simbolik tentang sesuatu seni rupa atau seni persembahan tersebut memberikan nilai tambah. Dalam konteks ini, dokumentasi mendalam perlu dilakukan seperti menerokai dan menjelaskan tentang faktor-faktor pencetus terhasilnya karya, akibat atau kesan, peranan, fungsi, nilai, makna, serta persepsi masyarakat terhadap sesuatu karya. Segala maklumat ini mestilah didokumentasikan dan disebar dan dikongsikan dengan khalayak melalui teknologi informasi dan komunikasi.

Dalam hal kekhuatiran tentang hak cipta, walaupun risiko peniruan agak sukar dibendung namun dengan adanya pendokumentasi yang dibuat dapat mengurangkan kemungkinan adanya pihak-pihak lain yang mengaku hak cipta sesuatu karya. Adaptasi rekabentuk dan motif dari budaya lain bukan merupakan suatu yang baru kerana ini memang berlaku secara berterusan dalam sejarah, namun ianya tidak sepantas yang berlaku kini (Prangwattanakun dan Naenna 1998). Walaubagaimanapun, ini bukan satu alasan yang membolehkan untuk melakukan peniruan yang berleluasa. Dari itu langkah yang wajar perlu dibuat dengan

menggubal perlindungan hak cipta bagi memelihara hak cipta dan kreativiti agar tidak berlaku peniruan yang sewenang-wenangnya. Dari itu, pendokumentasian yang lengkap perlu dilakukan sebagai salah satu cara pembuktian milik hak cipta. Satu lagi cara mengatasi masalah ini ialah keperluan untuk mempatenkan hasil karya seni. Tidak dinafikan usaha mempaten hak cipta memerlukan dana yang tinggi untuk ditanggung oleh individu, tetapi bagi memastikan karya seni yang mempunyai nilai budaya warisan bangsa maka institusi atau agensi berwibawa memainkan peranan untuk mengusahakan perkara ini agar seni tampak dan teknologi tradisi warisan bangsa terpelihara.

Salah satu usaha kerajaan bagi memastikan kesinambungan pengeluaran seni tampak ialah mengadakan latihan yang dikendalikan oleh Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei. Di Pusat tersebut, para pelatih diberikan latihan untuk memberi kemahiran menghasilkan seni reka dalam bentuk kaedah tradisional. Bagi menggalakkan inovasi dan kreativiti di kalangan para pelatih, mereka juga seharusnya diberikan kemahiran menggunakan dan memanfaatkan ICT dalam pengeluaran termasuk dalam yang berkaitan dengan grafik dan reka bentuk. Sebagai nilai tambah dalam kemahiran ini, para pelatih juga harus diberikan latihan dan pendedahan terhadap ICT yang boleh dimanfaatkan dalam bidang pemasaran dan jualan.

Penutup

Tamadun manusia terus membawa dan memperkenalkan kemajuan media yang lebih canggih dan diterima umum terutama dalam era glocalisasi ini. ICT mempunyai pengaruh dan memberikan kesan yang amat besar dalam semua aspek kehidupan termasuk dalam bidang seni tampak dan teknologi tradisi. Dari itu, ICT hendaklah dimanfaatkan untuk menyebarkan kefahaman, kesinambungan budaya, meningkatkan kualiti serta memantapkan nilai warisan bangsa.